



Sistem *tagal* dalam industri pelancongan: Manfaat kepada komuniti

Jurry Foo@ Jurry bt. F. Michael¹

¹Program Geografi, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah

Correspondence: Jurry Foo@ Jurry bt. F. Michael (email: jurryfoo@gmail.com/ jurryfm@ums.edu.my)

Abstrak

Sistem *tagal* adalah satu kaedah pengurusan biosfera yang popular di Sabah. Ia juga dikenali sebagai *bombon* yang bermaksud jangan dalam bahasa Kadazandusun. Melalui sistem ini, penggunaan sumber semulajadi atau kawasan tertentu dihadkan bagi tujuan pemuliharaan dan bagi memastikan kewujudan sumber tersebut secara berterusan. Pada hari ini, komuniti Kg. Luanti Baru telah mengambil inisiatif mengintegrasikan sistem *tagal* sebagai sebuah produk pelancongan. Ini merupakan salah satu pendekatan dalam utilitarian sumber semulajadi tempatan. Kertas kerja ini menjelaskan peranan dan manfaat sistem *tagal* dalam industri pelancongan di Kg. Luanti Baru, Ranau Sabah terhadap komuniti pelaksana. Data diperolehi berdasarkan kajian awal yang dilakukan dengan cara pemerhatian di kawasan kajian, temuramah dan juga kajian pustaka. Secara umumnya, kedudukan sistem *tagal* dalam industri pelancongan adalah sebagai satu produk pelancongan yang telah menyumbang kepada pengurusan persekitaran yang lebih cekap, penyumbang pembangunan ekonomi dan juga pembangunan sosial komuniti.

Katakunci: industri pelancongan, komuniti tempatan, pendekatan tradisional, pengurusan biosfera, pengurusan persekitaran, sistem *tagal*

Tagal tourism, environmental management and the community

Abstract

The *tagal* system is a local and traditional approach to biosphere management in Sabah. It is also known as *bombon* which means 'do not' in Kadazandusun language. The system has been developed to limit the utilisation of the natural resources in order to ensure the continuous production of aquatic resources, especially, the inland fish. Today, the local community has started to integrate the system into its tourism industry. This paper is about the influence and contribution of the *tagal* system as a tourism product to the community of Kg. Luanti Baru, Ranau, Sabah. Primary data were collected via a preliminary study at the study area involving field observations and interviews with local key informants. Generally, the study found that this system was capable of functioning as a concrete tourism product in ways that were beneficial in terms of environmental, economic and social development of the local community.

Keywords: biosphere management, environmental management local community, *tagal* system, traditional approach, tourism industry

Pengenalan

Pada suatu ketika, kegiatan industri pelancongan dianggap sebagai pencetus kepada kemusnahan alam sekitar (Mathiesen & Wall, 1991). Industri pelancongan merupakan salah satu industri yang popular pada masa kini, terutamanya ekopelancongan yang berasaskan sumber semulajadi dan budaya warisan sebagai produk pelancongan. Ini menunjukkan perkembangan produk pelancongan yang bukan sahaja produk berbentuk fizikal tetapi juga produk bukan fizikal yang boleh mewujudkan 'rasa' melalui pengalaman dan penghayatan, seperti tarian tradisi, amalan dan juga karya seni tradisional.

Berasaskan idea tersebut, utilitarian sumber semulajadi sebagai produk pelancongan semakin diperhebatkan, contohnya pewartaan tapak warisan dunia, 'Geopark', pelancongan berasaskan komuniti dan banyak lagi. Banyak produk pelancongan pada masa kini diubahsuai supaya memberikan manfaat kepada komuniti dan dalam masa yang sama mengekalkan kelestarian produk semulajadi tersebut. Produk pelancongan kini bukan sahaja berasaskan barang nyata, tetapi juga barang tidak nyata seperti budaya dan warisan yang unik dan menarik.

Sistem *tagal* pula adalah pengurusan biosfera yang juga dikenali sebagai *bombon*. Ia merupakan satu kaedah tradisional yang telah diubahsuai menjadi satu sistem pengurusan yang lebih tersusun di bawah pemantauan Jabatan Perikanan negeri Sabah. Berdasarkan sistem ini, penggunaan sumber semulajadi dihadkan dengan mengaplikasikan zon rizab dan juga limitasi penuaian sumber sungai khususnya. Amalan pengurusan ini juga telah diperluaskan kepada lebih ramai komuniti pada masa kini dan sekaligus telah menjadi satu sistem pengurusan yang bukan sahaja untuk pemuliharaan alam sekitar tetapi sebagai sebuah 'produk' yang menyumbang kepada ekonomi dan sosial komuniti pelaksana. Kertas kerja ini menjelaskan kedudukan pengurusan sistem *tagal* dalam industri pelancongan dan implikasinya kepada pembangunan ekonomi dan sosial komuniti Kg. Luanti Baru. Kedudukan atau situasi pengurusan sistem *tagal* dalam industri pelancongan dikenal pasti untuk memahami utilitarian pengurusan persekitaran tradisional itu sendiri sebagai satu amalan yang dapat menjadi 'produk pelancongan'.

Metod dan kawasan kajian

Kajian telah dijalankan menerusi pemerhatian yang telah dijalankan di kawasan kajian bagi mendapatkan gambaran sebenar aplikasi sistem *tagal* oleh komuniti pelaksana. Temuramah pula dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan maklum balas mengenai pelaksanaan sistem ini dan kesannya kepada komuniti sendiri. Manakala kajian pustaka melengkapkan pengukuhan dapatan kajian.

Secara khususnya, kajian ini telah dijalankan di Kg. Luanti Baru, Ranau, Sabah. Kawasan ini terletak lebih kurang 131km dari bandaraya Kota Kinabalu, Sabah, yang berada pada 1, 176 m dari aras laut. Kampung ini kaya dengan sumber persekitaran, termasuk sumber hutan dan sungai. Sg. Moroli terkenal sebagai sebuah sungai yang diurus secara cekap menerusi sebuah pengurusan yang disebut sebagai sistem *tagal*, sehingga ia diangkat sebagai pusat informasi pengurusan sungai pada masa kini.

Majoriti penduduk kampung ini adalah terdiri daripada etnik Dusun yang menganut agama Islam dan Kristian. Pekerjaan utama penduduknya adalah petani, peniaga kecil dan sederhana dan kakitangan kerajaan. Namun sejak kampung ini menjadi destinasi pelancongan, penduduk telah memiliki pekerjaan baru dalam sektor pelancongan, malah mereka telah memiliki lebih daripada satu punca pendapatan, secara tetap atau sambilan.


Industri pelancongan di Sabah

Industri pelancongan bukan sesuatu yang baru di Sabah, Ini kerana negeri ini kaya dengan sumber semulajadi dan budaya warisan yang mampu menarik perhatian pengunjung. Perkembangan industri pelancongan telah bermula sejak awal tahun 1980-an (Pengiran, 2007). Menurut ketua menteri Sabah, dalam ucapan bajet 2010 negeri ini, sektor pelancongan mengalami pertumbuhan luar biasa (*phenomenal growth*) dengan peningkatan jumlah pelancong iaitu sebanyak 30 peratus sejak lima tahun kebelakangan ini. Ini menunjukkan bahawa industri pelancongan di Sabah masih lagi mendapat perhatian sebagai destinasi pilihan. Beliau juga menegaskan bahawa usaha menghasilkan lebih banyak produk pelancongan yang berdaya saing harus dipertingkatkan. Pada masa kini, negeri Sabah sedang mengadakan usaha utilitarian sumber semulajadi yang 'mapan' di samping mempertingkatkan nilai tarikan budaya dan warisan sebagai produk pelancongan. Ini dijalankan secara serentak dengan program pembangunan ekonomi dan sosial yang banyak melibatkan penyertaan komuniti. Kedudukan industri ini ditakini akan terus kukuh sebagai penyumbang ekonomi kerana majoriti pelan pembangunan negeri meletakkannya sebagai salah satu industri penting, contohnya *Sabah Development Corridor* (SDC) (Roszehan et. al, dlm Dambul, 2010).

Sistem *Tagal* Kg. Luanti

Sistem *tagal* atau sistem *Bombon* merupakan satu kaedah yang digunakan untuk memulihara biosfera secara tradisional di Sabah, khususnya bagi sumber hidupan akuatik di sungai. Jephirin (2009) menyatakan sistem *tagal* sebagai larangan memancing ikan (atau apa sahaja cara mengambil ikan daripada sungai) di sungai atas persetujuan komuniti dalam satu jangka masa yang ditentukan, bagi tujuan mengatasi masalah kekurangan sumber ikan air tawar dan mengelakkan pencemaran sungai, di samping menjana pendapatan komuniti. Walaupun demikian, peneuaian ikan masih boleh dijalankan dengan kaedah yang dianggap 'mapan' atau terkawal.

Menurut pandangan masyarakat tempatan, sistem ini merupakan amalan tradisi komuniti tempatan. Markus (temuramah, 2008) pernah mengatakan bahawa sistem ini telah wujud sejak zaman nenek moyang, di mana hubungan manusia dan ikan di sungai adalah sangat rapat, sehingga ikan tidak takut kepada manusia pada ketika itu, kerana manusia tidak melakukan perkara yang memberikan kesan negatif kepada hidupan di persekitarannya, termasuk ikan di sungai. Perkara itu disebutkan dalam sebuah karya seni tempatan yang disebut sebagai '*tangon*'. Menurut Jephirin (2009) pula, sistem *Tagal* pada asalnya digunakan untuk memulihara hutan oleh komuniti tempatan, sebelum diadaptasikan kepada pemuliharaan dan pengurusan sungai. Menurut beliau lagi, sistem ini telah dilamalkan oleh komuniti pinggir sungai sebelum sistem *Tagal* secara formal dilaksanakan.




Rajah 1. Tujuan sistem tagal

Jabatan Perikanan Negeri Sabah (DOF) telah memperluaskan sistem *tagal* di seluruh negeri Sabah sejak tahun 2003, sebagai satu sistem pengurusan sungai yang formal, diusahakan sepenuhnya oleh komuniti di bawah pemantauan DOF (*Smart-partnership*) dan dikawal di bawah peraturan kampung yang kemudiannya di bawah Undang-undang adat dan Enakmen Perikanan Darat dan akuakultur 2003, pesalah sistem Tagal boleh dikenakan denda atau hukuman sehingga dua tahun penjara. Walau bagaimanapun, usaha membangunkan sistem ini secara formal telah bermula sejak lewat tahun 90-an, malah pernah diamalkan di Tuaran pada tahun 1987 dan 1991 di Kota Belud (Jephrin, 2009). Hubungan dua hala ini dilaksanakan di bawah program *Community Based fishery Resources management* (CBRM). Pada tahun 2009, terdapat 240 kawasan *Tagal* yang melibatkan 240 sungai di Sabah (Jephrin, 2009). Pelaksanaan sistem *Tagal* yang paling berjaya adalah sistem *tagal* di Babagon, Noturuss, Kiburot, Nalapak (2008) dan Luanti Baru (2002). Sebagai penasihat teknikal kepada pelaksanaan sistem *tagal*, salah satu tugas utama DOF adalah mempromosikan aktiviti ekopelancongan bagi sungai yang berada di bawah program sistem *tagal*.


Kedudukan dan sumbangan sistem *tagal* Kg. Luanti Baru dalam industri pelancongan

Sistem *tagal* Kg. Luanti Baru telah berjaya mengaplikasikan sistem *tagal* yang bukan sahaja telah berjaya mengekalkan habitat semulajadi, tetapi juga telah menjadikan sistem *Tagal* sebagai salah satu tarikan pelancong sejak ia dibuka untuk kunjungan pada tahun 2006 pada kadar bayaran yang berpatutan. Keunikan Projek *Tagal* Kampung Luanti Baru telah berjaya menarik ribuan pelancong dari dalam dan luar negeri melawat ke kampung itu setiap tahun (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Sabah, 2009), walaupun penglibatannya sebagai produk pelancongan boleh dikatakan masih pada tahap awal dan keupayaannya sebagai produk pelancongan yang mapan menjadi model kepada komuniti lain. Kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa (Rajah 2 dan Rajah 3) ke kawasan tersebut untuk mengetahui amalan sistem *tagal* dan hasil amalan sistem tersebut, iaitu Jumlah 22764 orang pelawat domestik, manakala 798 orang pelawat dari luar negara (Jawatankuasa *Tagal* Kg. Luanti, 2010), berbanding 7,000 pelawat domestik dan asing pada tahun 2008 (Jephrin, 2009). Menurut 'Bapa *Tagal*', iaitu En. Jeffrin Majangki yang mengetuai Jawatankuasa *tagal* komuniti tersebut, jumlah pelancong ini diyakini akan terus meningkat pada masa akan datang, ini berikutan peningkatan jumlah pelancong yang hadir ke kampung ini yang bertambah dari tahun ke tahun.



Sumber: Diubahsuai daripada AJK Komuniti *Tagal* Sg.Moroli

Rajah 2. Jumlah pelawat domestik tahun 2009



Sumber: Diubahsuai daripada AJK Komuniti *Tagal* Sg. Moroli

Rajah 3. Jumlah pelawat asing tahun 2009

Manfaat industri pelancongan berasaskan sistem *tagal* kepada komuniti

Industri pelancongan yang bertongkatkan sistem *tagal* sebagai produk utama dan pengurusannya telah memberi manfaat kepada komuniti pelaksana dari segi kualiti hidup yang dapat dilihat melalui kualiti persekitaran semula jadi, pembangunan sosial dan juga pembangunan ekonomi (temuramah penduduk 2008; kerja lapangan, 2009). Sebagai sebuah produk pelancongan, sistem *Tagal* telah menjadi salah satu 'label' kepada pakej pelancongan, contohnya '*Tagal*' Sungai Moroli, *Kampung Luanti-Fish Massage* dalam bahagian *Destination: Places To Go* (<http://www.sabahtourism.com>).

Pengurusan alam sekitar yang lebih cekap

Mathiesen & Wall (1991) menyatakan bahawa sejarah pelancongan telah menunjukkan bahawa persekitaran sesuatu tempat menyumbang kepada kewujudan dan kemajuan pelancongan. Sebagai sebuah produk pelancongan, sistem *tagal* bermodalkan sumber semulajadi seperti sungai Moroli, tumbuhan semulajadi yang menjadi sumber makanan ikan dan burung (terutamanya *Marang Parang*, *Pangi* (*Pangium edule*) dan *Nunuk* (*Ficus sp.*)) dan ikan (khususnya ikan Kelah (*Tor douronensis*) daripada keluarga Cyprinadae yang dalam bahasa tempatannya disebut sebagai *Garap* atau *Pelian*, komuniti cuba untuk memastikan kewujudan spesies dan kemantapan kualiti persekitaran fizikal secara berterusan. Itulah sebabnya, salah satu tujuan sistem ini adalah

mengawal aktiviti di sesebuah sungai untuk memberi peluang kepada hidupan untuk membiak dan membesar (Sitti, 2010). Demi mengawal kualiti persekitaran dalam pelancongan, peraturan dan penguatkuasaan sering ditekankan. Salah satu usaha adalah dengan meletakkan papan tanda peraturan untuk mengingatkan pengunjung (Rajah 4.a dan Rajah 4.b). Berdasakan Rajah 4.a, didapati bahawa komuniti memahami daya tampung ekosistem seperti melimitasikan kemasukan pengunjung, mengawal pencemaran bising dan sebagainya yang boleh mewujudkan gangguan kepada persekitaran semaulajadi. Rajah 4.b pula merupakan papan tanda amaran yang seragam sebagai peringatan kepada orang ramai terhadap aplikasi sistem *tagal* di kawasan berkaitan.



Rajah 4a. Papan tanda peraturan




Rajah 4b. Papan tanda amaran

Secara umumnya, sistem *Tagal* melibatkan proses pengezonan kawasan larangan mengambil sumber sungai, bagi memastikan kawasan pemuliharaan dan kawasan boleh guna oleh komuniti. Lazimnya sepanjang 3km sungai terlibat, yang masing-masingnya dibahagikan mengikut zon berukuran 1km. Zon hijau kawasan boleh guna, di mana penangkapan ikan adalah dibenarkan, namun hanya kepada ahli komuniti. Zon oren pula kawasan yang hanya akan menjalankan aktiviti menangkap ikan pada bersama-sama, bergantung kepada keputusan komiti *Tagal* tempatan; manakala zon merah merupakan kawasan larangan menangkap ikan. (*Department of Fisheries, Sabah*). Berdasarkan kes kampung Luanti Baru pula, sistem *Tagal* diaplikasikan di Sg. Moroli, melibatkan kawasan sugai sepanjang 3km. Sungai yang di *tagal* ini dizonkan kepada tiga zon iaitu zon merah, kuning dan hijau. Ketiga-tiga zon ini mempunyai peranan yang berbeza mengikut fungsi dan tujuan. Sungai ini mempunyai tiga buah lubuk yang dinamakan sebagai Lubuk Tadun, Lubuk Jambatan dan Lubuk Polod. Ketiga-tiga lubuk ini terletak di kawasan zon merah, iaitu pusat pembesaran dan pembiakan. Dalam zon merah, penangkapan ikan dilarang sama sekali. Zon kuning pula merupakan kawasan dimana ikan hanya boleh ditangkap dalam dua hingga tiga tahun sekali, dan biasanya dilakukan semasa menyambut pesta menuai. Manakala bagi zon hijau pula ikan, penangkapan ikan boleh dilakukan sekali setahun. Pengezonan dilakukan seperti Jadual 1 dan Rajah 5. Walau bagaimanapun, pengezonan dan kriteria setiap zon adalah berbeza mengikut kepentingan sungai kepada sesebuah komuniti.

Jadual 1. Pengezonan sistem Tagal

Kod warna	Arahan
Zon Merah	Pusat pembiakan/ pembesaran - Ikan dalam sungai tersebut tidak boleh ditangkap sampai bila-bila
Zon Hijau	Aktiviti hanya dibenarkan untuk penduduk di kawasan yang ditagal
Zon Kuning	Dibenarkan tuaian dua hingga tiga tahun sekali

Sumber: Jawatankuasa Tagal, Kg. Luanti Baru, Ranau, Sabah



Sumber: Diubahsuai daripada Gambaran Kedudukan Sg. Moroli mengikut Zon *Tagal*, Jawatankuasa Tagal, Kg. Luanti Baru, Ranau, Sabah

Rajah 5. Gambaran kedudukan Sg. Moroli mengikut zon Tagal

Kepentingan sumber semulajadi ini menyebabkan pengurusan persekitaran menjadi semakin cekap. Contohnya memperkukuhkan peraturan tagal dan penguatkuasaan dengan mengenakan 'sogit' mengikut peraturan kampung. Biasanya jumlah 'sogit' adalah bergantung kepada keputusan yang dilakukan oleh jawatankuasa dilantik oleh kampung, iaitu biasanya denda adalah berbentuk wang dan kerbau. Bagi kes kampung ini, jika terdapat pihak yang melanggar

peraturan, dendanya adalah satu ekor kerbau atau lembu yang bernilai sebanyak RM1500 dan bayaran denda sebanyak RM500 tunai, iaitu berjumlah RM2000.

Manakala papan tanda larangan juga diletakkan di tepi sungai, sementara pada peringkat jawatankuasa kampung, perkara tentang *tagal* sentiasa diberikan penekanan. Malah yang paling menarik, komuniti ini dapat mengekalkan habitat ikan air tawarnya, sehinggakan ikan yang terdapat di sugai ditagal oleh komuniti Kg. Luanti Baru menjadi sangat jinak dan akan menghisap kulit manusia yang masuk dalam sungai atau memberi makanan kepada ikan. Aktiviti tersebut digelar sebagai '*fish massage*' (Rajah 6).



Rajah 6. '*Fish massage*' tanda kejinakan ikan terhadap manusia

Menurut Jeffrin (Temubual, 2009; Markus, 2008) taburan ikan Kelah di lubuk Polan, Jambatan dan Tadon sepanjang Sg. Moroli adalah ikan yang dijinakkan menerusi teknik khusus yang mengambil masa selama dua tahun. Ikan ini dilatih dengan memahami sifat ikan secara semulajadi. Antara ikan yang telah dikenalpasti boleh mengurut ialah ikan *Pelian* (*Tor douronensis*), *Buntol* dan *Lampam Sungai* (*Puntius schwanenfeldii*). Ikan *Pelian* menggigit seluruh bahagian tubuh; *Lampam Sungai* mengurut bahagian belakang mengurut bahagian tapak kaki; manakala *Buntol* mengurut tapak kaki. Walaupun sistem *Tagal* telah menjadi produk pelancongan, namun permintaannya masih dikawal bagi memastikan daya tampung habitat berada pada tahap yang sepatutnya. Pengawalan permintaan perlu dilakukan bagi mengelakkan impak negatif kepada persekitaran akibat aktiviti pelancongan (Matias, 2004). Hasil daripada pengurusan alam sekitar yang mapan, beberapa anugerah diberikan kepada komuniti ini iaitu:

- Pemenang anugerah "*River Care Award 2006*"
- *Most Outstanding Environmental Friendly Project Award 2005*
- Johan, Sistem Ternakan (*TAGAL*) Peringkat Negeri 2007
- Johan, Pengusaha *Tagal (HIGH ACHIEVER)* Peringkat Negeri 2007
- Johan Pengusaha *Tagal (HIGH ACHIEVER)* Peringkat Negeri 2008
- Johan Kategori *Tagal* Peringkat Daerah Ranau 2008

Pengurusan persekitaran yang lebih baik juga wujud daripada kesedaran komuniti yang semakin peka dengan kualiti persekitaran. Ini kerana persekitaran telah menjadi aset komuniti sebagai produk pelancongan, yang membawa manfaat kepada mereka. Kesedaran dan kepekaan ini akan mendorong komuniti untuk terus memulihara persekitaran, terutama berkaitan dengan kebersihan sungai dan pengurusan spesies ikan dan tumbuhan.

Pembangunan ekonomi

Pelancongan memberikan pengaruh yang besar terhadap ekonomi kawasan destinasi (Mathiesen & Wall, 1991; Roszehan et al 2010, dlm. Dambul, 2010), termasuk membuka peluang pekerjaan

kerana aktiviti pelancongan memerlukan penglibatan ahli komuniti dalam permintaan tenaga kerja (Zanisah, 2009). Setakat tahun 2009, lebih daripada 20 orang penduduk telah bekerja secara tetap dalam sektor ini, sama ada sebagai pemandu pelancong, bahagian pentadbiran dan pekerja di bahagian perkhidmatan penginapan dan selebihnya melibatkan diri sebagai pekerja sambilan.



Rajah 7. Antara ahli komuniti yang terlibat sebagai pemandu pelancong dan kakitangan pentadbiran

Selain daripada peluang pekerjaan dalam sektor industri, peluang perniagaan perkhidmatan dan barang semakin luas. Ini berikutan daripada permintaan pengunjung terhadap penawaran pasaran berasaskan makanan, kraf tangan dan juga penginapan. Ramai penduduk telah memperolehi keuntungan daripada jualan cenderamata, makanan ringan dan runcit yang dijual di gerai kampung serta perkhidmatan *homestay*. Keadaan ini menunjukkan pengaruh industri pelancongan terhadap pendapatan individu mahupun isi rumah dan sekaligus meningkatkan kemampuan kuasa beli dan pemilikan aset.



Rajah 8. Antara hasil kraftangan yang dijual oleh komuniti

Keuntungan daripada sektor pelancongan digunakan untuk pembiayaan penyelenggaraan, iaitu meliputi pembayaran bil elektrik bangunan awam di kampung berkenaan seperti masjid dan dewan bagi kegunaan komuniti sendiri. Sebahagian hasil pendapatan pula digunakan untuk membiayai aktiviti penganjuran seperti majlis keramaian kampung, manakala peruntukan bagi membiayai persekolahan semua murid dari kampung berkenaan dan skim pinjaman awal kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di universiti (Hamden, 2010) juga diperuntukkan. Inisiatif komuniti ini merupakan satu langkah bijak dalam meningkatkan kadar celik huruf.

Pembangunan sosial

Impak sosial daripada pengaruh pelancongan adalah sukar diukur dengan angka kerana ia biasanya meliputi perkara yang tidak ketara dan tidak dapat dihitungkan kuantitinya (Mathiesen & Wall, 1991). Walau bagaimanapun ia tetap memberi impak kepada perubahan sosial komuniti yang terlibat. Merujuk kepada situasi sistem *tagal* Kg, Luanti Baru, industri pelancongan memberi kesan kepada perubahan sosial, apabila ahli mempunyai peranan dan tanggungjawab baru dalam komuniti, selain daripada menjadi petani sepenuh masa. Penduduk yang terlibat

sebagai kakitangan dalam aktiviti pelancongan, telah meningkatkan pengetahuan tentang hal-hal pengurusan, pengetahuan tentang sistem *tagal* dan kemahiran berkomunikasi dengan pengunjung. Pemandu pelancong tempatan juga telah mula diberikan pendedahan tentang kaedah menguruskan pelancong dan melakukan interpretasi. Ini menunjukkan bahawa penglibatan komuniti dalam industri pelancongan membuka ruang kepada mereka untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, tanpa mengira usia.

Pembangunan infrastruktur di kawasan kampung juga telah mengalami peningkatan. Kemudahan pengangkutan dan telekomunikasi telah dipertingkatkan. Kini maklumat perkembangan sistem ini, yang disediakan sendiri oleh komuniti *tagal* boleh dilayari secara atas talian. Ini juga menunjukkan perkembangan pengetahuan dan cara hidup penduduk dalam penyebaran maklumat secara digital. Ini akan menjadi galakan kepada peningkatan kadar celik IT di kalangan ahli komuniti dan merapatkan penglibatan dalam dunia pelancongan.

Penglibatan masyarakat dalam industri pelancongan berasaskan pengurusan sistem *tagal* sebagai produk pelancongan telah melahirkan kesedaran terhadap nilai bekerjasama dalam komuniti. Maklumbalas komuniti menunjukkan bahawa penglibatan komuniti dalam sektor ini telah menyebabkan hubungan mereka semakin rapat, iaitu seperti sebuah keluarga kerana masing-masing mempunyai hak yang sama dalam mencapai matlamat. Keadaan ini wujud apabila banyak keputusan pelaksanaan sistem ini, sama ada berkaitan pengurusan atau aktiviti pelancongan, adalah dilakukan berdasarkan pendapat kolektif dan persetujuan bersama. Ini kerana pandangan ahli komuniti sangat wajar diambil dalam memajukan pelancongan (Habibah, 2000. dlm Abdul Halim et.al. 2000).

Cabaran dan masa depan pengurusan sistem *tagal* dalam industri pelancongan

Cabaran dan masa depan pengurusan sistem *tagal* untuk terus memainkan perannya sebagai produk dalam industri pelancongan bergantung kepada keupayaannya dalam mengekalkan pelaksanaannya dan kemampuannya untuk terus menawarkan perkhidmatan pelancongan kepada pengunjung serta kesediaan komuniti pelaksana untuk terus memberikan komitmen yang sedia ada. Komitmen ini pula boleh dikekalkan sekiranya aktiviti pelancongan terus memberikan manfaat kepada komuniti dari segi kualiti persekitaran, pembangunan sosial dan juga pembangunan ekonomi. Mana-mana bahagian yang terjejas, akan menyebabkan usaha ini terganggu atau mungkin gagal.

Pelan perancangan pembangunan Kg. Luanti Baru telah dibangunkan dengan sangat teliti dengan melibatkan pembangunan jangka masa pendek dan jangka sama panjang, dan sistem *tagal* telah dirancang untuk terus kekal dalam industri pelancongan berasaskan ekopelancongan, agropelancongan dan seterusnya pelancongan pendidikan (*Edu-tourism*). Namun cabaran utamanya ialah dalam memastikan kualiti persekitaran yang berterusan berada dalam tahap yang seimbang, memandangkan kebergantungan sumber persekitaran sebagai aset.

Penglibatan atau komitmen ahli komuniti yang berterusan sebagai pelaksana sistem ini juga dilihat sebagai penyokong kepada keupayaan sistem *Tagal* untuk kekal sebagai produk pelancongan. Namun persoalannya sejauh mana generasi akan datang sedia untuk meneruskan 'kerelaan' untuk bekerja di kampung dan melibatkan diri dalam industri ini? Semuanya terpulang kepada pandangan semasa komuniti *tagal*. Dari sudut positif, dalam situasi persaingan mendapatkan pekerjaan yang sangat sengit pada masa kini, kerajaan, pihak swasta mahupun komuniti sendiri boleh membantu generasi baru untuk membangunkan budaya keusahawanan kepada generasi muda yang bakal mewarisi komuniti pelaksana pada masa kini. Ini akan memperkukuhkan keyakinan untuk menceburi bidang pelancongan yang diuruskan sendiri oleh komuniti. Salah satu contoh baik untuk dilihat ialah pembangunan insaniah komuniti di Mukim Batu Putih, Kinabatangan yang telah berjaya melatih komuniti melaksanakan program

pemuliharaan persekitaran dan dalam masa yang menjana ekonomi dengan menjadikan kawasan pemuliharaan sebagai produk pelancongan.

Persaingan produk pelancongan bukan sesuatu perkara yang baru, maka demi mengekalkan kedudukan sedia ada, komuniti perlu memastikan potensi dan tarikan pengurusan Tagal terus dipertingkatkan dengan mempelbagaikan perkhidmatan atau pakej pelancongan, tanpa menjejaskan kualiti persekitaran dan budaya sedia ada dan manfaat kepada penduduk perlu dititikberatkan. Manakala ketersampaian maklumat perlu ditingkatkan supaya promosi kepada produk ini tidak tercicir daripada informasi pelancongan. Demi mencapai matlamat ini, kerajaan, pihak swasta dan komuniti sendiri perlu sama-sama berganding bahu sebagai sebuah pasukan yang memastikan pelaksanaan sistem *tagal* dan kedudukannya dalam industri pelancongan adalah tidak terjejas.

Kesimpulan

Industri pelancongan akan terus berkembang selagi ada produk untuk ditawarkan. Namun penawaran produk pelancongan bergantung kepada status persekitaran dan kebolehan manusia mengorganisasi ruang. Sistem *tagal* yang merupakan pengurusan biosfera secara tradisional telah diintegrasikan oleh komuniti Kg. Luanti Baru sebagai produk pelancongan yang memberikan manfaat kepada pengurusan persekitaran yang lebih sistematik dan mapan, pembangunan ekonomi dan pembangunan sosial komuniti. Ini menunjukkan bahawa utilitansi persekitaran semulajadi, mahupun amalan warisan dan budaya adalah satu pendekatan bijak dalam memastikan kelestarian alam sekitar dan kualiti hidup manusia dan ia bukanlah hanya satu perkara yang mustahil. Namun bagi memastikan keberkesanan pengurusan persekitaran berasaskan penduduk (*Community Based Resources Management-CBRM*) adalah bergantung kepada komitmen ahli komuniti serta Kerjasama pintar (*Smart-partnership*) di antara komuniti dengan pihak berautoriti, seperti hubungan kerjasama antara komuniti Kg. Luanti Baru dengan Jabatan perikanan negeri Sabah yang sentiasa bergerak maju meningkatkan prestasi sistem *tagal*.

Penghargaan

Program Geografi, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Komuniti Kg. Luanti Baru, Ranau, Sabah, En. Jephirin Wong, Jabatan Perikanan Negeri Sabah, Jabatan Perikanan Daerah Ranau, Sabah, Saudari Petronella Sadangkat dan En. Haridyn Hanti.

Rujukan

- Department of Fisheries Sabah. Tt. The Tagal initiative [cited 8/8/2010]. Available from: <http://www.fishdept.sabah.gov.my/tagal2.asp>.
- Habibah Ahmad (2010) Ekopelancongan dan persekitaran di Sabah. In: Abdul Halim Ali, Ishak Shari, Habibah Ahmad, Er Ah Choy (eds) *Sabah dalam perluasan pasaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hamden Ramli (2010) Bermanja dengan Raja Air Tawar. Rencana. Arkib: 18/04/2010 [cited 16/7/2010] Available from: <http://www.utusan.com.my>.
- Jabatan Perikanan Negeri Sabah. Tt. The Tagal initiative [cited 2/7/2010]. Available from: <http://www.fishdept.sabah.gov.my>.
- Jeffrin Majangki (2009) Temubual. Pengerusi, Jawatankuasa Tagal, Kg. Luanti Baru, Ranau, Sabah.

- Jephrin Zefrinus Wong (2003) Current information on inland capture fishery in Sabah, Malaysia. Paper Presented at The First Regional Technical Consultation Of Information For Inland Capture Fisheries In The Asean Countries In Kuala Lumpur. 4-6 August.
- Jephrin Zefrius Wong, Seiichi Etoh, Arthur Besther Sujang (2009) Toward sustainable community based fishery resources management: The Tagal system of Sabah, Malaysia. In: Siri Ekmaharaj et. al (eds) Uplifting of the socioeconomic condition of the fisher via sustainable fisheries management. Fish for the people. Vol 7. November 2. Southeast Asian Fisheries Development Center.
- Jephrin Zefrius Wong (2009) Temubual. Ketua Bahagian Marin. Jabatan Perikanan Negeri Sabah.
- Kindad Gambidau (2009) Temubual. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tagal, Kg. Luanti Baru, Ranau, Sabah.
- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (2009) Yahya Lawat Projek Tagal Kg. Luanti Baru Ranau. Galeri Peristiwa [cited 2/7/2010]. Available from: http://www.sabah.gov.my/madfi/press/27_mei_09/27mei09b.htm.
- Markus Majangki (2008) Temubual. Pengerusi, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Kg. Luanti Baru, Ranau, Sabah.
- Matias A (2004) Economic geography, gravity and tourism trade: The case for Portugal. Paper submitted to the I Congress on Tourism Economics, Universitat de les Illes Balears, Palma, 28-29 May.
- Mathiesen A, Wall G (1991) Terj. Tourism: Economic, physical and social impacts. 1st ed. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Noname. No year. Sistem Tagal [cited 8/8/2010]. Available from: <http://tagalmoroli.webs.com/abouttagal.htm>.
- Pengiran Hassanal Bahar Pengiran Bagul (2007) SABAH'S SPATIAL ASSET, Tourism and its research needs. Ucaptama, 1st Social Science Undergraduate Conference on Spatial Science Spatial Science: The New Millennium Research Domain st 1 March .
- Roszehan Mohd Idrus, Awangku Hassanak Bahar Pangiran Bagus, Hardawati Yahya, Kamarul Mizal marzuki (2010). Forestry and sustanabilty, biodiversity, agriculture, tourism and petroleum and Gas. In: Dambul R, Marja Azlima Omar, Sabihah Osman (eds) Sabah priority issues, setting the course for change. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Sabah Tourism Board. 'Tagal' Sungai Moroli, Kampung Luanti [cited 19/5/2010]. Available from: <http://www.sabahtourism.com>.
- Sitti Nor Azizah Talata (2010) Keunikan pesta Tagal. Utusan Malaysia [cited 3/5/2010]. Available from: <http://www.utusanmalaysia.com.my>.
- Zanisah Man, Nurul Fatanah Zahari, Mustaffa Omar (2009) Kesan ekonomi pelancongan terhadap komuniti Batek di Kuala Tahan, Pahang. Jurnal e-Bangi 4 (1).